

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/27Jld. 2 (11)

13 November 2022
18 Rabiul Akhir 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.44/2022

PELAKSANAAN KAMPUS TERBUKA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 19/2022 pada 11 Oktober 2022 telah bersetuju meluluskan pelaksanaan Kampus Terbuka di Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru. Pelaksanaan Kampus Terbuka ini adalah selari dengan pelan pelestarian kampus Universiti.

2. Pelaksanaan Kampus Terbuka ini akan melibatkan perubahan lalu lintas daripada penutupan jalan serta perpindahan kawalan dan Pos Pengawal di Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru.
3. Penutupan jalan yang berkaitan adalah seperti berikut:
 - i. Susur masuk ke Bangunan F53 dan F54 dari Jalan Universiti
 - ii. Jalan Stadium ke Lingkaran Ilmu
 - iii. Jalan Stadium ke Jalan Kempas 1
 - iv. Jalan Kolam Air ke Jalan Kempas 1
4. Kawalan keselamatan di Jalan Universiti akan berpindah ke Pintu Gerbang Utama di Balai Keselamatan UTM. Pos Pengawal dan kawalan keselamatan di Jalan Ladang pula akan dipindahkan ke Jalan Kempas 1.
5. Pembukaan kawasan Kampus Terbuka Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru ini akan melibatkan kawasan di sekitar Jalan Universiti, Lengkok Universiti, sebahagian Jalan Stadium, sebahagian Jalan Kolam Air dan Jalan Ladang.

6. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum berkaitan perkara ini. Bersama-sama ini dilampirkan peta lalu lintas yang baharu selepas pembukaan kawasan Kampus Terbuka Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru. Pelaksanaan Kampus Terbuka ini akan berkuat kuasa mulai **14 November 2022**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”


Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah



PETUNJUK :

- █ LALUAN KENDERAAN
- JALAN YG DITUTUP
- POS PENGAWAL